

TREND LAYAK SIJIL SPM 2023  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1  
2 jam  
Oktober 2023



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
(CAWANGAN PULAU PINANG)

TREND LAYAK SIJIL SPM 2023

---

---

BAHASA MELAYU  
KERTAS 1

DUA JAM

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan anda sendiri.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Latih Tubi ini mengandungi 4 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]  
SULIT

## Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan penyakit demam denggi. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang penyakit demam denggi dalam kalangan murid sekolah.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

**NYAMUK AEDES**  
Pembawa Denggi

» SWIPE LEFT »  
Hapuskan Aedes, Cegah Denggi

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia

**DEMAM DENGGI ?**

“MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MENGUBATI”

**TINDAKAN PENCEGAHAN DENGGI BAGI MURID SEKOLAH**

**1** Luangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes

**2** Sembur Aerosol di dalam rumah antara jam 5 hingga 8 pagi dan 5 petang hingga 8 malam

**3** Pakai baju berlengan panjang dan seluar panjang yang berwarna cerah

**4** Gunakan repelen untuk menghalang gigitan nyamuk

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia

Infografik Bernama

**Bahagian B***[70 markah]*

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.*

1

Bazar Ramadan di negara kita bukan sekadar menjadi tumpuan umat Islam yang ingin membeli juadah untuk berbuka puasa tetapi turut menjadi tumpuan pelbagai lapisan masyarakat termasuklah mereka yang bukan beragama Islam. Bukan itu sahaja, para pelancong dari luar negara juga gemar mengunjungi bazar Ramadan untuk lebih mengenali budaya masyarakat Malaysia menerusi makanan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
“Bazar Ramadan Saji Keunikan Makanan Tradisi Malaysia”  
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham  
*Dewan Budaya, Bil. 4/2022*

Jelaskan manfaat-manfaat yang anda peroleh daripada bazar Ramadan di negara ini.

2

Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Zailani Hashim berkata, “80 peratus kemalangan yang berlaku di negara ini adalah berpunca daripada sikap pengguna jalan raya. Sebanyak 20 peratus yang lainnya adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kenderaan dan faktor luaran seperti keadaan jalan,” katanya kepada Sinar Harian baru-baru ini.

Sumber : *Sinar Harian*, 17 September 2023

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan punca-punca berlakunya kes kemalangan jalan raya di negara ini.

3

Kuala Lumpur: Pencemaran jerebu yang kembali melanda Malaysia menjadi punca kebimbangan terhadap kesihatan awam. “Rakyat negara ini perlu memahami risiko berkaitan supaya mereka mengambil langkah pencegahan yang berkesan”, kata pakar kesihatan. Pakar Perunding Pernafasan dan Perubatan Dalaman di Pusat Perubatan Sunway Dr. Kow Ken Siong berkata pendedahan yang berterusan terhadap udara tercemar boleh membawa kepada penyakit pernafasan seperti asma, penyakit pulmonari obstruktif kronik (COPD), radang paru-paru dan kanser paru-paru.

Sumber : *Harian Metro*, 17 September 2023

Selain kesan yang dinyatakan dalam petikan, nyatakan kesan-kesan lain pencemaran jerebu.

4

Tanggal 31 Ogos setiap tahun, kita akan menyambut bulan kemerdekaan. Stesen-stesen televisyen pastinya menyiarkan iklan dan menayangkan filem-filem yang berunsurkan patriotisme untuk menyuntik semangat patriotik dalam kalangan masyarakat. Selain itu, badan bukan kerajaan (NGO) juga mengambil inisiatif memberikan sumbangan kepada bekas perajurit untuk menghargai jasa mereka yang telah berjuang membebaskan negara daripada penjajah.

Sumber : *Harian Metro*, 1 September 2021

Berdasarkan petikan di atas, tulis sebuah rencana yang bertajuk ‘Peranan Pelbagai Pihak untuk Memupuk Semangat Patriotik dalam Kalangan Masyarakat’.

### KERTAS SOALAN TAMAT